Kajian Penerimaan Ibu Bapa dan Penjaga Terhadap Vaksinasi COVID-19 Kepada Kanak-kanak di Malaysia: Kajian Dalam Talian

NMRR ID-21-01936-UBW (IIR)

Penasihat
Dr. Manimaran A/L Krishnan Kaundan
Pengarah Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan

Penyelidik Utama
Mohd Hairmansah bin Mohd Shah

Penyelidik Bersama
Noorlaile bt. Jasman
Norrafizah bt. Jaafar
Zanariah bt. Zaini
Siti Nur Farhana bt. Harun
Komathi A/P Perialathan
Aimi Nadiah bt. Mohamad Norzlen
Dr. Normawati bt. Ahmad
Abu Bakar bin Rahman
Saiful Adli bin Suhaimi

Penyunting
Siti Nurhanim Bt. Mohamed Aimanan

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Blok B3, Kompleks Institut Kesihatan Negara,
No 1, Jalan Setia Murni U13/52,
Seksyen U13, Setia Alam,
40170, Shah Alam, Selangor.
MALAYSIA

Tel : +03-3362 7600
Fax : +03-3362 7601

Sebarang pertanyaan atau komen mengenai laporan ini harus ditujukan kepada:

Penyelidik Utama
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Blok B3, Kompleks Institut Kesihatan Negara,
No 1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam,
40170, Shah Alam, Selangor.
MALAYSIA
Tel : +03-3362 7600
Fax : +03-3362 7601

© 2022
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Institut Kesihatan Negara,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Hakcipta Terpelihara

LTVC19_8Aug_NewMargin.indd 1 08/08/2025 9:37 AM

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atas sokongan dan izinnya untuk menerbitkan laporan ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) dan Pengarah, Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) atas sokongan, bimbingan dan nasihat teknikal sepanjang proses kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada semua ahli pasukan penyelidik yang telah membantu dalam kajian ini. Akhir kata, ribuan terima kasih kepada semua responden yang telah terlibat dalam menjawab soal selidik secara atas talian.

LTVC19_8Aug_NewMargin.indd 2 08/08/2025 9:38 AM

Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata-kata Aluan Pengarah	4
Ringkasan Esekutif	5
Pengenalan	6
Objektif Kajian	10
Objektif Umum	10
Objektif Khusus	10
Metodologi Kajian	11
Reka bentuk Kajian	11
Tempoh Kajian	11
Instrumen Kajian	11
Kaedah Pengumpulan Data	12
Hasil Kajian	13
Profil Demografi Responden	13
Penerimaan Vaksinasi Covid-19	15
Penolakan Vaksinasi Covid-19	17
Ketidakpastian Terhadap Penolakan Vaksin Covid -19	19
Tingkahlaku Pencarian Maklumat Kesihatan	21
Perbincangan	23
Penerimaan Vaksinasi	23
Penolakan Vaksinasi	23
Ketidakpastian Penerimaan	24
Tingkahlaku Pencarian Maklumat Kesihatan	24
Implikasi Kesihatan Awam	25
Kesimpulan	26
Cadangan	27
Rujukan	28
Lampiran 1 Borang Soal Selidik	30
Lampiran 2 Analisis Setiap Item Bagi Komponen Penerimaan Vaksinasi Covid-19	38
Lampiran 3 Analisis Setiap Item Bagi Komponen Penolakan Vaksinasi Covid-19	39
Lampiran 4 Analisis Setiap Item Bagi Komponen ketidakpastian Penerimaan Vaksinasi Covid-19	40

Kata-Kata Aluan Pengarah


Dengan penuh rasa syukur, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan kajian dan penerbitan laporan ini. Kajian ini merupakan satu usaha penting dalam memahami penerimaan ibu bapa dan penjaga terhadap vaksinasi COVID-19 bagi kanak-kanak di Malaysia, sekali gus memberikan panduan yang bernilai kepada pembuat dasar dan pihak berkepentingan dalam meningkatkan keberkesanan program vaksinasi negara.

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa dan penjaga di Malaysia mempunyai tahap penerimaan vaksinasi COVID-19 yang tinggi untuk anak-anak mereka. Kepercayaan terhadap keberkesanan vaksin dalam melindungi anak-anak serta menyokong usaha kerajaan dalam mengekang wabak menjadi faktor utama penerimaan ini. Namun begitu, kajian ini juga mengenal pasti adanya segmen kecil dalam masyarakat yang masih ragu-ragu atau menolak vaksinasi, terutamanya disebabkan kebimbangan terhadap keselamatan vaksin dan kesan sampingan. Hal ini menunjukkan bahawa usaha komunikasi kesihatan dan pendidikan berterusan amat diperlukan bagi menangani keraguan serta menyebarkan maklumat yang tepat kepada masyarakat.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atas sokongan dan kepercayaan dalam pelaksanaan kajian ini. Terima kasih juga kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) yang telah memberikan bimbingan berharga sepanjang proses ini.

Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada pasukan penyelidik utama serta semua penyelidik bersama yang telah menjalankan kajian ini dengan penuh dedikasi. Kerja keras dan komitmen yang diberikan oleh setiap individu dalam pasukan ini amat dihargai. Tidak dilupakan, penghargaan istimewa buat semua ibu bapa dan penjaga yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Sumbangan data dan maklum balas yang diberikan menjadi asas kukuh kepada dapatan dan cadangan yang diketengahkan dalam laporan ini.

Semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak berkepentingan dalam merangka dasar dan strategi kesihatan awam yang lebih efektif, khususnya dalam memastikan perlindungan kesihatan kanak-kanak di negara kita.



Sekian, terima kasih.
Dr. Manimaran A/L Krishnan

Pengarah
Institut Penyelidikan
Tingkah laku Kesihatan (IPTK)

LTVC19_8Aug_NewMargin.indd 4 08/08/2025 9:38 AM

Ringkasan Eksekutif


Pemberian vaksin COVID-19 secara besar-besaran telah dilaksanakan secara global mulai awal Disember 2020. Di Malaysia, program imunisasi kebangsaan telah dilancarkan pada bulan Februari 2021 untuk membendung penularan COVID-19. Malaysia menerima kumpulan pertama sejuta dos vaksin Pfizer pada 21 Februari 2021 dan program vaksinasi kebangsaan dilancarkan secara rasminya pada 26 Februari 2021.

Menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), sehingga pertengahan September 2021, hampir 77% jumlah populasi dewasa di negara ini telah melengkapkan vaksinasi COVID-19 mereka seperti yang telah dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Walaupun pada peringkat awal, penerimaan vaksin COVID-19 ini diberikan dalam kalangan orang dewasa, terdapat pandangan yang skeptikal dan prejudis terhadap kaedah pembangunan vaksin ini dan keselamatannya. Namun demikian, persepsi ini berubah disebabkan oleh faedah pengambilan vaksin dilihat jauh melebihi risiko dan keterukan sekali gus menyebabkan semakin tinggi bilangan populasi dewasa secara global menerima vaksin tersebut.

Rentetan daripada perkembangan yang positif itu, inisiatif pemberian vaksin ini telah diperluaskan dalam kalangan remaja pula kerana majoriti populasi dewasa telah diberikan suntikan vaksin. Di Malaysia, program vaksinasi ini telah dimulakan pada awalnya kepada kanak-kanak yang berumur 16 dan 17 tahun, manakala kanak-kanak berumur 12 hingga 15 tahun dihadkan kepada kumpulan berisiko tinggi seperti mereka yang mempunyai penyakit kronik.

Seterusnya, pemberian vaksin ini telah diperluaskan kepada mereka yang berumur 14 dan 15 tahun, 12 dan 13 tahun dan seterusnya kanak -kanak yang berumur 5 tahun dan keatas. Walaupun, peratusan vaksinasi dalam kalangan orang dewasa Malaysia menunjukkan kecenderungan positif terhadap penerimaan vaksin berdasarkan banyak kajian yang dijalankan, namun, terdapat keperluan yang sangat penting bagi mengetahui penerimaan dan persepsi ibu bapa atau penjaga terhadap pelaksanaan vaksinasi COVID-19 dalam kalangan anak-anak mereka.



Gambar Ilustrasi

LTVC19_8Aug_NewMargin.indd 5 08/08/2025 9:38 AM

LAMPIRAN 4

Analisis Setiap Item Bagi Komponen Ketidakpastian Penerimaan Vaksinasi COVID-19

Soalan 15	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
a) Saya tidak pasti bahan yang digunakan untuk membuat vaksin COVID-19	7.5%	14.9%	17.9%	38.8%	20.9%
b) Vaksin COVID-19 menyebabkan kesan sampingan yang serius	0.0%	0.7%	13.4%	47.8%	38.1%
c) Vaksin COVID-19 tidak dapat melindungi anak / jagaan saya daripada jangkitan dan komplikasi COVID-19	1.5%	14.2%	34.3%	33.6%	16.4%
d) Saya ragu-ragu dengan inisiatif dan saranan kerajaan dalam pemberian vaksin COVID-19	3.7%	12.7%	27.6%	38.1%	17.9%
e) Anak / anak jagaan saya dinasihatkan oleh Doktor pakar untuk tidak mengambil vaksin COVID-19 disebabkan oleh masalah kesihatan yang dihadapi	21.6%	27.6%	25.4%	23.9%	1.5%
f) Saya dipengaruhi oleh orang - orang terdekat	22.4%	29.1%	18.7%	25.4%	4.5%
g) Terdapat jenama vaksin tertentu yang diragui kerana sampingan yang teruk atau kurang berkesan mencegah COVID-19	4.5%	11.9%	25.4%	37.3%	20.9%
h) Kualiti vaksin daripada negara tertentu tidak berkualiti	7.5%	13.4%	39.6%	32.8%	6.7%
i) Saya kurang yakin dengan masa yang diambil untuk membangunkan vaksin COVID-19 kerana masa terlalu singkat	2.2%	7.5%	20.9%	41.8%	27.6%
j) Saya dipengaruhi oleh maklumat yang diterima di media	13.5%	24%	24.8%	30.8%	7.5%
k) Saya akan pertimbang penerimaan vaksin kepada anak	1.5%	2.26%	21%	52.6%	23.3%

LTVC19_8Aug_NewMargin.indd 40 08/08/2025 9:38 AM